



SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN LUAR NEGERI/DALAM NEGERI

1. **Saya pada masa ini sedang mengikuti LDP di luar negara, bilakah tarikh sepatutnya saya balik ke Negara Brunei Darussalam, adakah setelah tamat kebenaran berakhir?**

Jawapan:

Awda dikehendaki pulang ke tanah air tidak lewat dari

- satu (01) hari bagi perjalanan yang kurang dari 6 jam
- dua (02) hari bagi perjalanan yang melebihi 6 jam

setelah tarikh rasmi tamat kursus berakhir/ tarikh akhir peperiksaan /tarikh penghantaran disertasi (mana-mana tarikh yang akhir).

Contoh:

1) Bagi kursus di Malaysia, tarikh penghantaran disertasi pada 31 Ogos 2019, tarikh pulang adalah tidak lewat dari **1 September 2019**.

2) Bagi kursus di United Kingdom, tarikh akhir peperiksaan pada 31 Ogos 2019, tarikh rasmi menghantar disertasi pada 09 September 2019, tarikh pulang adalah tidak lewat dari **11 September 2019** (mengambil kira tarikh yang akhir iaitu tarikh rasmi penghantaran disertasi)

2. **Bolehkah saya bertolak dua minggu lebih awal sebelum tarikh rasmi kursus saya bermula pada 01 Julai 2017 di United Kingdom?**

Dibolehkan, walaubagaimanapun dikehendaki untuk memohon cuti tahunan atau cuti tanpa gaji (bagi yang tiada mempunyai lebihan cuti) selama dua minggu awal tersebut walaubagaimanapun ianya tertakluk kebenaran Ketua Jabatan. Kemudahan Tiket penerbangan pergi masih dihulurkan walaubagaimanapun elaun-elaun hanya akan dihulurkan mulai 01 Julai 2017 (tarikh mula kursus) sehingga tarikh tamat kursus.

3. **Saya seorang pegawai dalam perkhidmatan sebulan ke sebulan, bolehkah saya mengikuti kursus di dalam atau luar negeri?**

Jawapan:

Pegawai dalam perkhidmatan sebulan ke sebulan boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus dibawah skim latihan dalam perkhidmatan di **dalam negeri sahaja** secara **Skim Cuti Belajar Dalam Negeri** dengan syarat memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 27/1988 serta Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa

4. Pada hujung tahun ini saya akan menamatkan kursus 3 tahun yang mana telah dibenarkan oleh kerajaan melalui latihan dalam perkhidmatan, adakah saya mempunyai kemudahan untuk isteri dan anak-anak saya menemani perjalanan pulang saya ke Negara Brunei Darussalam sedangkan isteri dan anak-anak saya masih berada di Brunei?

Jawapan:

Tidak ada kelayakan kemudahan bagi isteri dan anak yang akan menemani pegawai.
(Rujukan: SK JPM 6/2017)

5. Saya amat berminat untuk meningkatkan diri saya dengan mengikuti kursus sarjana di luar negeri dan telah pun mendapat penerimaan (acceptance) dari universiti yang saya pohonkan. Adakah saya masih berhak untuk mendapat biaya penuh kerajaan sedangkan saya telah mencapai umur 51 tahun?

Jawapan:

Tidak berhak mendapat biaya di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan memandangkan syarat umur untuk mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan adalah tidak lebih dari 40 tahun.

Walaupun bagaimanapun, pertimbangan boleh diberikan untuk mengikuti latihan jangka pendek (melebihi tiga puluh (30) hari, kurang dari setahun akademik dan tidak memberikan kelulusan tambahan) sehingga umur 53 tahun tertakluk memenuhi syarat dan peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini.

Pegawai hendaklah juga memenuhi tempoh ikatjanji yang telah ditetapkan serta mempunyai lebihan tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan sekurang-kurangnya dua tahun selepas menamatkan tempoh ikatjanji.

6. Berapa lamakah tempoh ikatjanji yang harus saya tunaikan bagi kursus di luar negeri yang akan saya ikuti untuk 9 bulan, 12 bulan, 15 bulan dan 18 bulan dibawah skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh? Adakah tempoh ikatjanji ini juga digunakan seandainya saya mengikuti kursus berkenaan dibawah skim Cuti Belajar? Adakah ikatjanji berkenaan dikenakan kepada saya seandainya saya mengikuti kursus berkenaan di salah sebuah pusat pengajian tinggi di Negara ini?

Jawapan:

Seseorang pegawai yang mengikuti kursus Latihan Dalam Perkhidmatan sama ada Dalam Negeri atau Luar Negeri dalam apa jua kategori Anugerah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Kerajaan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/1991, 27/ 1988, 6/2017 adalah dikenakan ikat janji menurut tempoh kursus yang diikuti seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Ikat Janji (Bond)
Lapan (8) bulan hingga kurang dari satu (1) tahun	3 tahun
Satu (1) tahun hingga kurang daripada dua (2) tahun	5 tahun

7. **Saya telah memohon untuk mendapatkan biaya kerajaan untuk mengikuti kursus sarjana di UBD mulai awal September ini dan saya juga telah mendapat surat penerimaan dari pihak UBD. Saya mempunyai hak cuti selama 3 bulan. Bolehkah saya memulakan kursus dengan mengambil cuti tiga bulan dari pejabat saya seandainya kebenaran pihak Kerajaan lambat saya terima?**

Jawapan:

Pegawai yang memohon untuk mengikuti kursus di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan tidak boleh memulakan kursus selagi belum ada kebenaran dari Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan (BMLDP) walaupun mempunyai hak cuti selama 3 bulan.

8. **Saya telah diarahkan untuk berkhidmat di luar negeri untuk tiga tahun, bolehkah saya mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan diri saya dengan mengikuti kursus sarjana secara part-time atas biaya saya sendiri?**

Jawapan:

Awda yang berhasrat untuk mengikuti kursus di seberang laut/di dalam negeri samada secara separuh masa (part-time) atas perbelanjaan Kerajaan atau persendirian hendaklah mendapat kebenaran pihak Kerajaan. Awda bolehlah menghadapkan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Ketua Jabatan awda dengan menggunakan borang tertentu.

9. **Bilakah saya layak mengambil biennial leave jika tarikh kursus bermula 01 Julai 2019 selama 4 tahun?**

Jawapan:

Tarikh biennial leave boleh diambil 3 bulan sebelum/3 bulan setelah tarikh matang kursus dua tahun. Tarikh matang kursus bagi di atas adalah 01 Julai 2021, boleh diambil dalam tempoh 3 bulan awal (mulai 01 April 2021) atau 3 bulan selepas tarikh matang (mulai 01 Julai 2021 sehingga 31 Oktober 2021)

Tiket pergi/balik akan dihulurkan dari tempat berkursus ke tanahair.

-Januari 2020